

Daya Tarikan Tanpa Paksaan dalam Puisi Esei *Sapu Tangan Fang Yin* oleh Denny Ja

The Power of Attraction Without Force in The Poetry of Fang Yin's Handwash Essay by Denny Ja

Jasni Matlani^{1*}, Hashim Ismail², Nurhamizah Hashim³

¹ Calon Sarjana, Program Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, jasnimatlani@yahoo.com

² Program Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, shim@um.edu.my.

³ Program Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, aae@um.edu.my

* Corresponding Author: Jasni Matlani, Program Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, jasnimatlani@yahoo.com

ABSTRACT

Puisi Esei masih dianggap sebagai genre sastera yang baharu dan sebahagian daripada korpus persuratan moden yang mencakupi persuratan kesusasteraan moden, yang mempunyai ciri-ciri moden, tetapi masih dalam proses untuk menempatkan puisi esei sebagai salah satu wahana dalam sastera Melayu pada peringkat serantau. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis Daya Tarikan Tanpa Paksaan dalam *Kumpulan Puisi Esei Atas nama Cinta* karya Denny JA (2012) yang mengumpulkan lima buah puisi esei Denny JA. Walau bagaimanapun kajian ini hanya meneliti sebuah puisi esei dalam buku *Kumpulan puisi esei berkenaan iaitu 'Sapu Tangan Fang Yin'*, menggunakan teori "Kuasa Insani" oleh Joseph Nye (2004). Teori ini menjelaskan, karya sastera sebagai elemen budaya tinggi boleh digunakan untuk mempengaruhi pihak lain dan menjadi daya tarik tanpa paksaan. Penerapan teori dan hasil kajian ini membuktikan bahawa puisi esei Denny JA yang mengetengahkan tema cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi ini mempunyai daya tarik tanpa paksaan dan imbuan yang kuat kepada pihak lain dan memenuhi konsep "Kuasa Insani".

Kata Kunci: *Puisi Esei; Daya Tarikan; Tanpa Paksaan; Kuasa Insani; Kemanusiaan*

ABSTRAK

Essay Poetry is still considered a new literary genre and part of the corpus of modern literature that includes modern literary literature, which has modern characteristics, but is still in the process of placing essay poetry as one of the vehicles in Malay literature at the regional level. Therefore, this study aims to analyze the Unforced Attraction in the Essay

Poetry Collection in the Name of Love by Denny JA (2012) which collects five essay poems by Denny JA. However, this study only examines one essay poem in the book of the essay poetry collection, namely Sapu Tangan Fang Yin, using the theory of "Human Power" by Joseph Nye (2004). This theory explains that literary works as elements of high culture can be used to influence others and become an attraction without coercion. The application of the theory and the results of this study prove that Denny JA's essay poetry which highlights the theme of love and humanity without discrimination has an attraction without coercion and a strong reward to others and fulfills the concept of "Human Power".

Keywords: Poetry Essay; Attraction; Without Coercion; Human Power; Humanity

Received: May 15, 2025

Accepted: May 29, 2025

Online Published: May 31, 2025

1. Pendahuluan

Puisi Esei mula wujud pada tahun 2012, dan masih dianggap sebagai genre sastera yang baharu dan sebahagian daripada korpus persuratan moden yang mencakupi persuratan kesusasteraan moden, dan mempunyai ciri-ciri moden, tetapi masih dalam proses untuk menempatkan puisi esei sebagai salah satu wahana dalam sastera Melayu pada peringkat serantau. Puisi Esei lahir di Indonesia tetapi berkembang dengan subur di Malaysia, khususnya di Sabah, sehingga Jamal D. Rahman (2022) mengatakan Kota Kinabalu adalah ibu kota baharu Puisi Esei. Puisi Esei dibentuk daripada gabungan dua kata iaitu "Puisi" dan Esei".

Kata "Puisi" membawa maksud salah satu genre sastera yang terdapat dalam wahana sastera Melayu, dan secara etimologi, kata "Puisi" berasal daripada bahasa Yunani iaitu "Poeima" yang bermaksud "membuat" atau "poeisis" yang bermaksud "pembuatan". Kata atau istilah "Esei" pula ialah sebuah tulisan berbentuk "Karangan" dan mula dikenali setelah Michel de Montaigne, di Perancis, menerbitkan tulisannya yang berjudul "Essais" (1580) (Sarjono, 2013). Montaigne (1533-1592) kemudian mendeskripsikan karyanya dalam bentuk esei itu sebagai tulisan yang menyerlahkan idea, falsafah dan pemikiran. Manakala Francis Bacon (1597) selepas itu menulis esei yang lebih pendek daripada esei tulisan Montaigne. Esei dalam Bahasa Inggeris disebut "Essay". Ketika "Puisi" digabungkan dengan "Esei" menjadi "Puisi Esei" ia menimbulkan pandangan pro dan kontra dalam kalangan sasterawan, pengkritik sastera dan ahli akademik baik di Indonesia dan Malaysia.

Kontroversi berlaku kerana "Puisi" dan "Esei" mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Puisi ialah tulisan yang bersumberkan imaginasi dan menyerlahkan keindahan dalam bentuk ungkapan diksi yang menepati ciri-ciri puisi seperti kaya dengan unsur metafora, personifikasi, simile, hiperbola, simbol, imej, rima dan sebagainya, manakala "esei" ialah tulisan yang bersumberkan fakta. Menurut Agus Sarjono (2013) dalam tulisannya yang termuat dalam Jurnal Sajak berjudul "Puisi Esei Sebuah Kemungkinan Sebuah Tantangan", "Puisi" dan "Esei" dilihat sebagai dua diksi yang tidak boleh bersatu, kerana kedua-duanya mempunyai ciri-ciri yang berbeza dan bertentangan. Esei walaupun wujud dalam lingkungan sastera, tetapi bukan karya sastera, manakala "Puisi" apa pun tanggapan yang diberikan terhadapnya ia tetap dirujuk sebagai karya sastera.

Ketika “Puisi” dicantumkan dengan “Esei” menjadi “Puisi Esei”, hal itu disebut sebagai penggabungan dua *State of mind* dan menjadi varian baharu dalam ranah perkembangan puisi serantau. Rasiah et al. (2018) mengatakan, puisi esei ialah sinergi dan penggabungan yang relatif antara fiksyen dan fakta. Tetapi Denny JA (2012) secara rinci menghuraikan, puisi esei bukan sekadar penggabungan diksi “Puisi” dan “Esei”, serta bukan esei yang ditulis dalam format biasa, seperti tulisan dalam ruangan kolum, atau tulisan editorial, atau tulisan yang berbentuk ilmiah. Begitu juga puisi esei bukan puisi panjang yang berbentuk prosa. Sebaliknya, puisi esei ialah sebuah karya baharu yang menggabungkan antara fiksyen dan fakta. Naratif dan suara batin penulis dalam karyanya adalah fiksyen, tetapi kenyataan sosial dan isu yang dimunculkan oleh penulis dalam karyanya adalah fakta. Penulis tidak hanya mengungkapkan realiti, tetapi juga tokoh, sumber dan peristiwa yang digarap dalam puisi esei.

Dalam kajian ini, puisi esei tidak dieja sebagai “Puisi Esai” seperti dalam Bahasa Indonesia, tetapi dieja sebagai “Puisi Esei” seperti yang sinonim dalam Bahasa Melayu. Puisi esei dikategorikan sebagai puisi moden dan bukan puisi tradisional kerana ciri-cirinya menurut Denny JA dan Agus Sarjono (2023) menepati ciri-ciri sastera moden yang disebarkan dalam bentuk tulisan, eksklusif, memotret manusia dan realiti, menggambarkan suatu dinamik sosial dan dinamik watak, tidak bersifat kolektif, tetapi bersifat individu dan dimiliki pengarang.

Kajian ini menganalisis Daya Tarikan Tanpa Paksaan dalam Kumpulan Puisi Esei *Atas nama Cinta* karya Denny JA (2012) yang mengumpulkan lima buah puisi esei Denny JA. Walau bagaimanapun kajian ini hanya meneliti sebuah puisi esei dalam buku Kumpulan puisi berkenaan iaitu *Sapu Tangan Fang Yin*, menggunakan teori “Kuasa Insani” oleh Joseph Nye (2004). Walaupun teori “Kuasa Insani” memberi tumpuan kepada tiga elemen penting iaitu elemen budaya, nilai-nilai politik dan dasar luar sesebuah negara, tetapi dalam kajian ini kajian hanya ditumpukan kepada elemen budaya, iaitu budaya tinggi yang melibatkan karya sastera bagi menarik minat pihak lain, seterusnya menjadi daya tarik tanpa paksaan.

2. Kajian Lepas

Kajian lepas berkaitan dengan puisi esei boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu berkaitan dengan unsur-unsur cinta dan unsur kemanusiaan tanpa diskriminasi dalam puisi esei karya Denny JA sebagai elemen atau alat diplomasi sastera. Kedua berkaitan dengan teori “Kuasa Insani” yang pernah digunakan untuk mengkaji karya sastera khususnya puisi esei, dan ketiga, berkaitan dengan hubungan diplomasi sastera antara Indonesia dan Malaysia, dengan melihat hubungannya dengan nilai cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi serta kesesuaiannya dengan diplomasi sastera.

Walaupun kajian itu tidak menyentuh penggunaan teori “Kuasa Insani” oleh Nye dalam konteks sastera, seperti yang dilakukan dalam kajian ini, tetapi kajian berkenaan antara yang terawal menggunakan teori “Kuasa Insani” di Indonesia dan Malaysia. Kajian itu seterusnya membincangkan perkembangan hubungan antarabangsa yang memberikan tempat yang khusus kepada *soft power*, *hard power* dan *smart power* oleh Nye, dengan penekanan yang utama diberikan terhadap Kuasa *soft power* Amerika Syarikat dan persaingannya dengan negara di belahan dunia yang lain, terutama di Asia dan juga Eropah.

Pada tahun 2014, telah muncul sebuah kajian yang menarik di Indonesia menggunakan teori “Kuasa Insani”. Ni Putu Elvina Suryani (2014) menulis kajian berjudul “Korean Wave Sebagai Instrument Soft Power untuk Memperoleh Keuntungan Ekonomi

Korea Selatan”. Kajian berkenaan termuat dalam Jurnal *GLOBAL* Vol. 16 No. 1, 1 Mei dan mengkaji sejauh mana sesuatu budaya itu mampu menjadi daya tarik tanpa paksaan, menarik minat dan disukai oleh sebuah negara lain sesuai dengan apa yang kehendaki. Kajian yang dilakukan itu merujuk kepada sejauh mana kemampuan negara Korea Selatan menjadi budaya sebagai satu daya tarik negara lain dan bukan melalui penggunaan kekerasan atau imbalan kewangan, yang bertentangan dengan teori “Kuasa Insani”. Walaupun kajian itu menyentuh isu budaya di Indonesia dan sejauh mana Indonesia tertarik dengan pengalaman Korea Selatan dalam menjadikan budaya sebagai teras keuntungan ekonomi negara itu, tetapi kajian berkenaan tidak sama dengan kajian ini kerana ia belum menyentuh nilai-nilai diplomasi sastera secara khusus sebagai salah satu elemen *high culture* dalam teori “Kuasa Insani” dan tidak juga menyentuh mana-mana karya puisi esei yang dihasilkan oleh Denny JA yang dibincangkan dalam kajian ini, walaupun puisi esei sudah muncul pada tahun 2012.

Terdapat juga beberapa buah kajian lepas yang secara khusus menggunakan teori “Kuasa Insani” di Malaysia. Misalnya Junita Budi Rahman (2014) menjelaskan dalam kajian beliau untuk Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia yang bertajuk “Kuasa Insaniah Negara Malaysia dan Imej-Imej Selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad” secara jelas menggunakan teori “Kuasa Insani” yang telah pelopori oleh Nye. Pengkaji ini telah menggunakan teori “Kuasa Insani” yang disebutkannya sebagai “Kuasa Insaniah” melalui pendekatan Diplomasi Awam. Kajian beliau itu dilakukan melalui salah satu daya tarik “Kuasa Insani” iaitu daya tarik peribadi seorang pemimpin, nilai-nilai politik dan dasar luar yang diaplikasikannya.

Pengkaji ini menyedari terdapat keperluan terhadap imej baik dan reputasi positif individu tertentu pada peringkat kepimpinan tertinggi negara, khususnya imej selebriti yang boleh dijadikan satu daya tarik yang berkesan, dan boleh menarik minat pihak lain bagi mendapat hasil yang diharapkan tanpa menggunakan kekerasan dan paksaan. Kuasa insani melalui imej-imej selebriti ini boleh menjadi sumber strategik yang penting dalam hal ehwal dunia. Junita Budi Rahman telah mengkaji Tun Dr. Mahathir Mohamad, pemimpin yang telah menjadi Perdana Menteri Malaysia sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1981-2003 dan pada tahun 2018-2020. Walaupun Tun Dr Mahathir Mohamad telah menjadi sebanyak dua kali tetapi kajian beliau lebih menumpu kepada tempoh pertamanya sebagai Perdana Menteri. Pengkaji telah membuat kajian mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai imej selebriti, melalui pendekatan diplomasi awam iaitu salah satu bahagian teori “Kuasa Insani”. Keunikan kepimpinan Tun Dr. Mahathir menurut beliau berbeza dengan gaya pemimpin para pemimpin Asia yang lain, keberaniannya dalam bersuara dan bertindak sering mendapat perhatian orang ramai dan perhatian media antarabangsa. Tun Dr. Mahathir menjadi seorang pemimpin yang terkenal di seluruh dunia, disegani dan menjadi peneraju Malaysia yang berwawasan dan sangat berkesan. Beliau bijak memenangi hati rakyat pada peringkat domestik dan pada peringkat antarabangsa.

3. Metodologi

Metodologi kajian ini dilakukan dengan menetapkan reka bentuk kualitatif, menggunakan kaedah analisis teks dengan menganalisis karya puisi esei oleh Denny JA yang termuat dalam buku *Atas Nama Cinta*. Justifikasi kaedah ini dipilih oleh pengkaji kerana relevan dan kesesuaian untuk meneliti dan memahami puisi esei yang dihasilkan oleh Denny JA. Seterusnya, Teori “Kuasa Insani” yang diperkenalkan oleh Jospheh Nye (2004) diterapkan dalam kajian ini untuk melihat gaya bahasa yang digunakan dan makna yang hendak disampaikan oleh Denny JA dalam puisi esainya.

Kaedah kajian ini juga merangkumi proses mengumpul, menganalisis dan mentafsir data yang amat penting agar data yang diperolehi itu selari dengan kehendak serta keperluan kajian. Menurut Nik Murshidah Nik Din e t al. (2018) dalam kertas kerja yang berjudul “Analisis Tekstual Sebagai Metode Dalam Memahami Ungkapan Puisi Imam Al-Shafie R.H.M” disiarkan dalam *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Bil. 19, SI 2018, mengatakan, reka bentuk kajian analisis tekstual itu menjadi keutamaan, kerana melibatkan penggunaan bahasa dan seterusnya pencarian makna. Dalam kajian ini ia melibatkan penggunaan bahasa dan pencarian makna dalam puisi esei Denny JA.

Dengan demikian, kajian ini ialah kajian tekstual menggunakan teori “Kuasa Insani” oleh Nye serta kajian dokumen dan kepustakaan yang akan menggunakan pendekatan kualitatif. Seterusnya menggunakan sumber rujukan seperti buku-buku, jurnal-jurnal sastera, surat khabar dan majalah, kertas kerja, kertas seminar serta tesis yang telah dihasilkan oleh sarjana, sama ada tempatan, Indonesia dan Barat. Kajian ini turut menggunakan kaedah analisis data atau analisis teks. Sebuah buku oleh Denny JA berjudul *Atas Nama Cinta* akan dianalisis bagi menjawab persoalan kajian yang ditetapkan untuk kajian ini.

3.1 Teori “Kuasa Insani” oleh Nye Sebagai Kuasa Daya Tarik Tanpa Paksaan

Kajian ini menerapkan teori “Kuasa Insani” oleh Joseph Nye. Bagi menggambarkan kemampuan sesebuah negara menjadikan budaya *High Culture* menjadi satu daya tarik kepada pihak lain tanpa melalui kekerasan, imbuhan dan paksaan, sebaliknya menggunakan kuasa insani untuk mempengaruhi pemikiran sosial pihak tertentu melalui saluran serta pendekatan yang tidak ketara. Dalam bukunya yang berjudul “*Bound to Lead: The Changing Nature of American Power*” (1990) Nye menjelaskan “Kuasa Insani” ialah “*the best propaganda is not propaganda*” dan “*credibility is the scarcest resource*”. Beliau kemudian mengembangkan konsep berkenaan dalam bukunya “*Soft Power: The Means to Success to World Politic.*” (2004). Selepas itu teori “Kuasa Insani” semakin meluas digunakan dalam ranah hubungan antarabangsa, sama ada oleh para penganalisis, pengkaji, para pengamal dan orang awam.

Dunia semakin terbuka luas dan persaingan pada peringkat global semakin meningkat terutama selepas berakhirnya era perang dingin. Jika kuasa insani dapat dibangunkan sebaik-baiknya, dengan sokongan sistem politik yang stabil serta dasar luar yang lebih mesra, ia bukan sahaja dapat mencipta sokongan pada peringkat domestik dan bersifat mikro, tetapi juga mampu menjadi satu kuasa daya tarik yang berkesan pada peringkat global, antarabangsa dan bersifat makro. Keupayaan sesebuah negara membangunkan imejnya sama ada menggunakan budaya *high culture* dan *pop culture*, nilai falsafah dan pendidikan, nilai politik dan dasar luarnya yang lebih mesra semakin relevan dan menjadi kuasa daya tarik yang kuat tanpa paksaan dan imbuhan, sehingga membawa kepada penghormatan (*respect*) dan dicontohi atau ditiru (*emulation*). Junita Budi Rahman (2014) mengatakan, penghormatan pihak lain akan meningkatkan lagi kedudukan sesebuah negara itu, kerana pihak lain cenderung untuk lebih tunduk, setia, serta menghindari konflik atau menyokong pihaknya dalam permasalahan antarabangsa.

Nye memperkenalkan teori “Kuasa Insani” buat pertama kali pada tahun 1990 dalam bukunya “*Bound to Lead*”. Kemudian dikembangkan lagi pada tahun 2004 dalam buiku “*Soft Power, The Means to Success in World Politics*”. Nye menegaskan, “Kuasa Insani” ialah kemampuan pelaku atau sesebuah negara itu mempengaruhi pihak lain tanpa paksaan, sehingga membawa kepada penghormatan, kepercayaan dan penghargaan sesuai dengan kehendak yang diingini. Hal ini boleh dilakukan melalui *co-opting* atau cara-cara yang

menarik, bagi memikat hati dan fikiran pihak lain, tanpa menggunakan kekerasan melalui kuasa ketenteraan, atau melalui kuasa ekonomi melalui tekanan, imbuhan dan paksaan pembayaran atau *payment-carrot*. Nye menggariskan keutamaan “Kuasa Insani” sama ada melalui budaya *high culture* atau budaya popular, institusi pendidikan atau melalui nilai-nilai politik dan dasar luar yang menarik, sah serta mempunyai kuasa moral yang diamalkan oleh sesebuah negara itu. Kuasa Insani dapat dicapai jika sekiranya sesebuah negara sasaran dapat meniru, mencontohi, menginginkan kemakmuran dan terpikat dengan sistem nilai yang ditunjukkan oleh sesebuah negara, yang berkehendakkan kuasanya diterima tanpa sebarang kekerasan, paksaan dan imbuhan pembayaran.

3.2 Konsep Teori “Kuasa Insani”

Teori “Kuasa Insani” mula muncul apabila Nye menulis buku *Bound to Lead: The Changing Nature of American Power* (1990). Ketika itu beliau menegaskan Amerika Syarikat merupakan sebuah negara kuasa besar yang bukan sahaja sepatutnya memanfaatkan kuasa tentera, dan kuasa ekonomi, melalui teori “Kuasa Tulen” tetapi juga mesti memanfaatkan “Kuasa Insani” melalui budaya, nilai-nilai politik dan dasar luar negara berkenaan. Tetapi dalam kajian ini, kajian hanya ditumpukan kepada elemen budaya, khususnya budaya *high culture*, yang boleh menjadi pengengaruh bagi mendapatkan penghormatan (*respect*) yang boleh dicontohi dan ditiru (*emulation*). Nye kemudian menulis buku yang bertajuk *The Paradox of American Power: Why The world's Only Super Power Can't Go It Alone* (2002) yang turut menyentuh teori “Kuasa Insani”, tetapi kupasan beliau hanya terbatas kepada percanggahan antara multilateralisme dengan polisi asing. Hal ini menyebabkan beliau menulis sebuah buku khas yang berjudul "*Soft Power: The Means to Success in World Politics*" (2004).

Buku berkenaan merupakan kesinambungan dan memperkemas lagi kajiannya terhadap teori “Kuasa Insani” yang telah beliau sentuh dalam buku terdahulu. Walau bagaimanapun, Nye kali ini lebih memfokuskan atau menumpukan sepenuh perhatian kajiannya kepada dua bahagian yang menjadi komponen penting dalam teori “Kuasa Insani” iaitu “Diplomasi Budaya” dan “Diplomasi Awam”. “Diplomasi Sastera” yang digunakan dalam kajian ini seperti yang telah dinyatakan terdahulu, adalah komponen penting dalam “Diplomasi Budaya” iaitu kajian yang dilakukan hanya dibataskan kepada budaya *high culture*, yang lebih mengkhusus kepada kesusasteraan khususnya puisi esei sebagai satu kuasa insani yang mampu menjadi alat diplomasi sastera serta menjadi daya tarik kepada pihak lain bagi mendapatkan hasil yang diinginkan sama ada daripada segi penghormatan (*respect*) dan boleh dicontohi dan ditiru (*emulation*). Apakah ia mampu menghilangkan steroitip serta prasangka yang negatif, seterusnya mempengaruhi sentimen serta pandangan masyarakat terhadap suatu negara atau entiti (Rohayati Paidi :2023).

Seterusnya apakah negara yang memiliki “Kuasa Insani” yang efektif itu dapat meningkatkan citra mereka di mata dunia, menarik simpati, penghormatan dan kepercayaan orang lain, serta mempromosikan nilai-nilai dan kebijakan mereka dengan berkesan. Dengan demikian kajian ini akan menganalisis apakah teks puisi esei oleh Denny JA melalui kumpulan puisi esei *Sapu Tangan Fang Yin* yang termuat dalam kumpulan puisi esei *Atas nama Cinta* ini mempunyai kekuatan sastera, dan mampu menggalakkan persefahaman, seterusnya mengandungi nilai-nilai cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi, yang mampu menjadi daya tarik pihak lain secara insani dan menjadi “Kuasa” diplomasi sastera yang berkesan.

3.3 Kuasa Insani Melalui Budaya

Sumber utama teori “Kuasa Insani” yang diperkenalkan oleh Joseph Nye, pertama ialah tarikan budaya. Kedua, tarikan nilai politik dan ketiga; tarikan dasar luar. Namun dalam kajian ini fokus diberikan kepada tarikan budaya, sebagai elemen utama teori “Kuasa Insani” dan sebagai mempengaruhi yang kuat untuk mempengaruhi pihak atau negara lain bagi tujuan yang dikehendaki. Menurut Nye (2004), *Culture is the set of practices that create meaning for a society and is the behavior pattern of disseminating knowledge and values*. Seterusnya Nye membahagikan “Budaya” kepada tiga peringkat iaitu budaya universal, budaya etnik dan lain-lain budaya yang hanya dimiliki oleh warga dalam konteks tahap (strata) sosial atau sesebuah organisasi yang kecil. Jika nilai universal wujud dalam budaya sesebuah negara, kemungkinan untuk mencapai matlamat akan berbangkit melalui daya tarikan dan kepercayaan, yang mana kebudayaan dirujuk kepada budaya *high culture* seperti karya sastera, drama teater, teknologi, nilai-nilai falsafah dan pendidikan, seterusnya budaya popular seperti seperti muzik, filem, sukan, dan sebagainya.

Menurut Junita Budi Rahman (2014) kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia yang dibimbing oleh nilai-nilai bersama yang berlaku dan berperanan penting dalam proses pembangunan negara. Manakala budaya ialah nilai-nilai suatu negara dalam mempromosikan nilai dan kepentingan negara secara bersamaan dalam meningkatkan hasil yang diinginkan. Budaya adalah proses interaksi dua arah yang melibatkan upaya untuk mempromosikan citra dan cita-cita suatu bangsa di luar negara dan upaya untuk memahami budaya, nilai dan citra bangsa lain. Diplomasi Budaya membantu “Hati dan Jiwa” terhubung melintasi batas (Norman 2013), seterusnya memungkinkan suatu negara itu menunjukkan budaya, dan masyarakatnya kepada pihak lain, sekali gus memperkukuhkan hubungan antarabangsa. Nye (2004) menegaskan, sumber kuasa bergantung kepada persekitaran, manakala “Kuasa Insani” bergantung kepada budaya. Bagaimanapun, tarikan kuasa insani dan sumber budaya yang mencipta kuasa insani tidak boleh dilayan secara sama rata kerana, jika tidak, kekeliruan akan timbul dengan sumber budaya itu, menjadi satu daya tarikan.

Oleh itu teori “Kuasa Insani” ini melihat makna-makna yang tersurat dan tersirat dalam teks puisi esei yang dihasilkan oleh Denny JA terutama yang termuat dalam kumpulan puisi esei *Atas Nama Cinta*.. Apakah konsep cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi yang menjadi intipati sebahagian besar karya puisi esei Denny JA mampu menjadi wacana diplomasi sastera seterusnya menjadi komponen budaya *High Culture* dalam teori “Kuasa Insani”.

4. Dapatan Kajian

Kumpulan puisi esei *Atas Nama Cinta*, memuatkan lima buah puisi esei, tetapi hanya sebuah puisi esei yang mengandungi nilai-nilai cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi, akan dianalisis menggunakan teori “Kuasa Insani” oleh Nye. Seterusnya, dibincangkan sama ada boleh menjadi daya tarik kepada pihak lain, sehingga membawa kepada kepercayaan, kesetiaan, penghargaan dan penghormatan sesuai dengan apa yang dikehendaki.

Karya kesusasteraan, khususnya puisi esei dalam kajian ini adalah bahagian daripada budaya *High Culture* yang relatif dengan masyarakat, wilayah dan negara. Setiap cerita yang digarap berdasarkan kisah benar dalam puisi esei oleh Denny JA ini dibincangkan dan dianalisis sesuai dengan data yang ada. Seterusnya merumuskan puisi esei oleh Denny JA yang mengandungi nilai-nilai cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi, yang mampu menjadi alat diplomasi sastera serta Kuasa Insani. Kuasa insani yang bukan sahaja

bermanfaat dan membina *currency of Power* atau daya tarik, seperti yang dinyatakan oleh Alexander L Vuving (2009) tetapi juga mempunyai magnet yang membawa masyarakat sasaran, membina sikap, meminati, menyukai, memberikan penghormatan dan keutamaan. *Currency of power* yang diajukan oleh Vuving, iaitu nilai 3B, *Brilliance*, (Kebijaksanaan) *Benignity* (Kemurahan) dan *Beauty* (Kecantikan) merupakan nilai-nilai positif falsafah, yang sudah baku dan menjadi penanda aras secara umum dan universal. Malah, Mark Eisenegger (2009) sudah menyebutkan, sejak zaman Yunani Kuno di Eropah, nilai 3B itu telah pun diajukan oleh Plato dan Aristotle sebagai *currency of power* atau kuasa daya tarik melalui *the good* (yang baik), *the Beautiful* (yang cantik) dan *the true* (yang benar) untuk mendapatkan hasil yang dikehendaki tanpa paksaan dan imbuhan secara maksimum.

Puisi esei Denny JA dalam kumpulan puisi esei ini akan dianalisis dari segi keindahan berbahasa, berkomunikasi, naratif yang dijalin melalui watak yang menggerakkan cerita dan unsur dramatik. Seterusnya berfungsi sebagai alat diplomasi sastera, kuasa insani yang berkesan dalam menarik minat dan perhatian pihak lain. Memecahkan dikotomi dan halangan budaya, sehingga mewujudkan jalinan persefahaman, meningkatkan sikap toleransi, permuafakatan dan kesedaran terhadap wahana diplomasi melalui karya sastera sebagai salah satu sumber budaya *high culture*. Puisi esei yang dikaji ialah puisi esei yang bertajuk *Sapu Tangan Fang Yin*. Puisi esei ini terdiri daripada beberapa babak atau segmen dan relatif panjang.

4.1 Nilai-nilai Cinta dan Kemanusiaan Tanpa Diskriminasi dalam Kumpulan Puisi Esei Atas Nama Cinta

Puisi esei ini menceritakan tentang Fang Yin, seorang warga Indonesia berketurunan Tionghoa yang telah berhijrah ke Amerika Syarikat bersama keluarganya, setelah berlakunya kejadian rusuhan kaum pada bulan Mei 1998 di Indonesia. Rusuhan kaum itu meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa Fang Yin. Beliau kehilangan kehormatan dan harga diri setelah diperkosa oleh sekumpulan pemuda yang merusuh dalam kejadian rusuhan berkenaan. Hal itu menyebabkan Fang Yin membenci negara Indonesia, negara kelahirannya. Namun, seiring perjalanan waktu, beliau akhirnya berdamai dengan masa lalu, berusaha memujuk diri agar dapat memaafkan tragedi yang berlaku, dan kembali mencintai tanah airnya, iaitu Indonesia.

Salah satu unsur yang kuat dalam puisi esei ini adalah isu trauma dan penyembuhan Fang Yin yang telah menghadapi trauma ketika kejadian perkosaan semasa rusuhan kaum itu berlaku. Tidak ada lagi cinta, dan nilai kemanusiaan yang tumbuh di hati manusia yang rakus, melainkan kekerasan dan kezaliman yang tidak dapat dikendalikan. Negara kehilangan perlembagaan dan undang-undang yang mampu meletakkan keadilan pada neraca yang sebenar, dan dapat mengawal akal budi, serta pertimbangan manusia. Denny JA mengungkapkan dalam muka surat 20 petikan yang berikut:

*“Hari itu negeri berjalan tanpa pemerintah
Hukum ditelantarkan, huru-hara di mana-mana
Yang terdengar hanya teriakan
Kejar Cina! Bunuh Cina! Massa tak terkendalikan”*,

(Denny JA, 2012, p.20)

Keadaan huru-hara yang berlaku di Jakarta, ketika itu sangat menakutkan. Rusuhan tidak hanya berlaku di jalanan, membakar kereta dan bertempur dengan pihak berkuasa. Sebaliknya para perusuh masuk ke dalam setiap rumah, khususnya rumah suku kaum Tionghoa yang dikatakan merampas hak dan kekayaan masyarakat peribumi. Perusuh mengambil kesempatan membalas dendam terhadap kaum Tionghoa yang selama ini menguasai ekonomi, hidup dalam kemewahan sedangkan majoriti masyarakat peribumi Indonesia hidup dalam belenggu kemiskinan, dan seolah-olah ditindas oleh bangsa Tionghoa, sejak zaman penjajahan Belanda lagi dan akibat dasar penjajahan penjajah Belanda pada masa lalu.

Belanda telah mencipta kawasan-kawasan yang eksklusif sebagai tempat mastautin masyarakat Tionghoa. Belanda turut dengan sengaja memisahkan orang Cina ketika itu supaya tidak berinteraksi dengan masyarakat peribumi Indonesia. Jika dibiarkan mereka berinteraksi dengan masyarakat peribumi, ia akan menjadi kekuatan sosial yang besar dan boleh membahayakan penjajah. Dasar ini disebut sebagai “Wijkenstelsel” dan turut dicatat dalam nota kaki yang menjadi teras dalam puisi esei dan disediakan oleh Denny JA dalam puisi esei ini.

Ketika ekonomi dunia beralih daripada ekonomi agraria, yang berasaskan pertanian, ke arah ekonomi yang berasaskan industri, masyarakat Tionghoa ini lebih bersedia berbanding masyarakat peribumi Indonesia. Masyarakat peribumi menjadi bangsa yang didiskriminasi di tengah-tengah falsafah kebebasan ekonomi ciptaan penjajah. Oleh hal yang demikian, semangat mereka untuk membalas dendam semakin membara. Luka di hati mereka semakin berdarah. Segala bentuk kekejaman yang tabu menjadi halal dalam rusuhan yang menggoncang Indonesia, dan berlaku pada Mei 1988 itu.

Dalam puisi esei yang dicipta berdasarkan kisah benar oleh Denny JA ini, watak Fang Yin menjadi mangsa yang terluka dengan peristiwa berkenaan. Malah memar atau lebam yang bertompok pada seluruh tubuhnya akibat pukulan benda tumpul, tumbukan semasa berlakunya tragedi perkosaan itu menjadi kecederaan yang tidak dapat dimaafkan. Ia amat menyakitkan, kerana telah menyebabkan aliran darah dari sistem kardiovaskularnya mengendap dan menjadi hematoma. Bukan itu sahaja pemerkosaan dan kekerasan seksual yang berlaku itu, menjadi kejahatan jenayah yang meninggalkan kesan psikologi dan luka batin yang sukar disembuhkan, sehingga menimbulkan rasa takut, malu dan kesakitan menguasai diri Fang Yin, seterusnya menyebabkan trauma psikologi dan tekanan batin yang hebat kepada dirinya. Disebabkan kejadian itu, Fang Yin akan menjerit sekuat hati apabila teringatkan kejadian berkenaan seperti yang diungkapkan oleh Denny JA dalam petikan yang berikut:

*“Memar tersebar di sekujur tubuh
dan teringatlah: ia telah diperkosa!
Fang Yin menjerit kuat sekali
Seisi rumah sakit mendengarnya.”*

(Denny JA, 2012, p.23)

Kejadian tersebut telah menyebabkan Fang Yin sekeluarga mengambil keputusan yang drastik, berhijrah ke luar negara. Jauh di lubuk hati keluarga ini, terutama Fang Yin, Indonesia bukan lagi sebuah negara yang aman damai, makmur dan penuh cinta di hatinya.

Indonesia telah berubah dan meninggalkan calar serta luka yang sungguh tragis di tubuhnya. Akhirnya Fang Yin dan keluarganya memilih berhijrah ke Amerika Syarikat, sebagai sebuah negara baharu yang mana dia mengharapkan dapat menyembuhkan luka yang mencalar tubuh fizikal dan hati nuraninya itu. Dalam rangkap seterusnya Denny JA menyebutkan:

*Fang Yin sekeluarga mengungsi ke Amerika
bersama sejumlah warga keturunan Tionghoa
mereka tinggal berdekatan New York, Philadelphia
Los Angeles, New Jersey - bagaikan perkampungan Indonesia.*

(Denny JA, 2012, p.21)

Fang Yin sungguh marah, benci dan kecewa terhadap para pelaku yang meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan di tubuh dan hati nuraninya itu. Beliau amat trauma terhadap warga dan tanah airnya sendiri, Indonesia. Hal ini diungkapkan dalam rangkap ketujuh belas, puisi esei oleh Denny JA ini, seperti yang berikut:

*Tapi kemarahannya pada Indonesia masih menyala
trauma diperkosa masih berujud horor baginya
Fang Yin membatalkan niatnya untuk kembali
baginya Indonesia masa silam yang kelam.*

(Denny JA, 2012, p.22)

Namun walau apa-apa pun yang berlaku. Ayah Fang Yin masih tetap menyimpan rasa rindu, sayang, empati dan cinta yang mendalam terhadap Indonesia, tanah kelahirannya. Cinta yang sedemikian bersifat umum dan universal. Boleh menjadi sesuatu yang baik dan mempunyai daya magnetisme yang cepat menarik minat pihak lain sehingga memberikan penghargaan, penghormatan dan keutamaan sesuai dengan kuasa insani.

Ayah Fang Yin sentiasa mengingati Indonesia dan tidak melupakan tanah tumpah darah yang telah membesarkannya. Sebab itu, ayah Fang Yin memujuk anaknya itu agar tidak berputus asa untuk terus mencintai negara kelahirannya. Ayah Fang Yin menasihatkan anak perempuannya agar jangan melupakan Indonesia, walau apa-apa pun yang berlaku. Cinta terhadap negara yang menjadi tanah tumpah darah harus mengatasi segala-galanya. Cinta sedemikian bersifat negarawan dan merupakan satu kuasa insani yang menyerlahkan *benignity* (kemurahan) dan juga *the beauty* (kecantikan), sehingga menimbulkan rasa kagum, hormat dan suka (*admiration*).

Setiap insan mesti mempunyai sebuah negara yang bertumpu segala cinta dan kasih sayangnya. Begitu juga ayah Fang Yin, lebih-lebih lagi beliau melihat Amerika Syarikat bukan negara ibunda yang menyatu segala-galanya dalam hati, sebaliknya hanya sebuah negara persinggahan sementara, tempat menyelamatkan diri pada waktu berlaku persengketaan. Amerika Syarikat hanya menjadi tempat berlindung semasa berlakunya rusuhan di negara kelahirannya. Cinta terhadap Amerika Syarikat, negara yang baharu dihuninya itu tidak mengurangkan cintanya terhadap negara ibu pertiwi yang sentiasa menjadi kerinduannya. Meski tubuh terluka dan seribu kenangan pahit menguasai pemikiran

dan hati, tetapi tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula bumi kelahirannya. Segala luka dan kenangan pahit masa silam harus dilawan seperti kata Denny JA dalam rangkap puisi esei yang berikut:

*Amerika hanyalah tempat sementara untuk singgah
tapi kita lahir di Indonesia, jadi mati sebaiknya di sana –
luka masa silam harus dilawan
cinta Ibu Pertiwi harus ditumbuhkan.*

(Denny JA, 2012, p.45)

Seiring perjalanan waktu dan setelah Fang Yin melalui fasa penyembuhan daripada trauma emosi, secara perlahan-lahan timbul semula kerinduan dan bibit cinta di hatinya. Kasih sayang terhadap tanah air kelahirannya, Indonesia berputik kembali. Setinggi-tinggi terbang bangau akan hinggap di belakang kerbau juga. Tempat jatuh lagi dikenang inikan pula tempat yang menjadi tanah tumpah darah. Peribahasa Melayu itu amat relevan dalam konteks kisah hidup Fang Yin kini. Malah beliau teringat kekasih pertamanya seperti yang diungkapkan dalam rangkap ke-97 puisi esei yang dramatik dan menyentuh perasaan ini. Ungkap Denny JA:

*dan sesudah tiga belas tahun berlalu
Fang Yin mulai merasakan rindu
terkenang kampung halaman, masa remaja di Jakarta
tak sedar, disebutnya nama Albert Kho, cinta pertamanya”*

(Denny JA, 2012, p.46)

Namun, klimaks kisah yang dramatik, panjang, berbabak, dan mudah difahami ini dapat ditelusuri melalui segmen Fang Yin membakar sapu tangan pemberian Albert Kho, setelah beliau mengetahui bahawa kekasihnya itu telah berkahwin dengan wanita lain dan mengkhianati cintanya. Hal ini diungkapkan dalam petikan puisi esei yang selanjutnya:

*Ia menyalakan lagi korek api –
dan tanpa fikir panjang, ia bakar sapu tangan itu
api menyala, sapu tangan terbakar
ia melihat seluruh dirinya yang lama menjadi abu.*

*Masa silam terbakar
derita panjang ikut terbakar
cinta pada Kho terbakar
cemburu pada Rina pun lenyap terbakar*

*dan kemarahannya pada Indonesia?
terbakar sudah, bagai ritus penyucian diri
semesta seolah-olah berhenti
waktu lenyap – lama sekali.*

*Dan sapu tangan pun jadi selenggok abu
Fan Yin merasa lahir kembali
jadi perempuan yang sama sekali baru
bersih daripada kengerian masa lalu.*

(Denny JA, 2012, p.47)

Melalui metafora “sapu tangan yang menjadi selenggok abu”, Fang Yin akhirnya melepaskan masa silamnya, meninggalkan peristiwa pahit, yang selama ini membayangi kehidupannya. Beliau merasakan Indonesia sudah jauh berubah, berbanding ketika era kegelapan negara, sewaktu negara itu dikejutkan dengan kejadian dan peristiwa hitam rusuhan berkenaan. Indonesia kini berada dalam era baharu seperti yang dinyatakan dalam puisi esei ini. Malah, bahasa yang digunakan oleh Denny JA juga mudah difahami oleh khalayak dan komunikatif sifatnya. Naratif dan mesej yang hendak disampaikan oleh penyair dalam puisi esei ini, jelas mudah sampai ke sasaran seperti yang diungkapkan pada rangkap yang berikut:

*Kini ia ingin pulang, rindunya membara
Ia ingin Indonesia seperti dirinya: menang melawan masa lalu
musibah dan bencana datang tak terduga
yang penting harus tetap punya mimpi.*

*Ini Indonesia baru, katanya, kata mereka.
ya, ya – niatnya pun teguh: Aku segera kembali ke sana!
Aku segera pulang ke sana!
Aku segera hidup di sana!”*

(Denny JA, 2012, p.49)

Tema dan persoalan cinta serta kemanusiaan tanpa diskriminasi dalam teks puisi esei *Sapu Tangan Fang Yin* ini bukan sahaja menjadi kuasa insani dalam masyarakat dan wilayah dan negara, tetapi boleh juga boleh menjadi kuasa insani yang mampu menjadi satu daya tarik kepada pihak lain, sesuai dengan konsep cinta terhadap bangsa, agama dan negara yang bersifat umum dan universal. Hal ini diungkapkan oleh Denny JA dalam petikan rangkap puisi esei yang berikut:

*Kini 13 tahun setelah musibah itu
Fang Yin mendengar Indonesia sudah stabil kembali;
Beberapa warga keturunan Tionghoa menjadi menteri
Tradisi Imlek diberi hak hidup seperti dulu lagi.*

*Barongsai bebas melanggak-lenggok,
Koran berbahasa Cina sudah boleh beredar
Program berbahasa Cina ditayangkan di televisi.
Agama Konghucu sudah diakui.”*

(Denny JA, 2012, p.41)

Dalam zaman atau era Indonesia baharu ini, bangsa Tionghoa tidak lagi didiskriminasikan, sebaliknya mereka bersama-sama membangunkan Indonesia. Dalam struktur pentadbiran dan kepimpinan negara, mereka dilantik menjawat jawatan yang tinggi dalam kerajaan, malah diberikan kepercayaan menjadi menteri dalam kabinet kerajaan baharu Indonesia, di samping boleh mengamalkan amalan kepercayaan mereka, yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Perubahan ini menarik minat golongan Tionghoa yang berada di luar negara, yang selama ini merasa seolah-olah tidak diperlukan dan didiskriminasikan oleh masyarakat peribumi Indonesia, kini hendak kembali ke Indonesia. Cinta mereka terhadap negara kelahiran mereka itu kembali berputik. Kemakmuran dan keamanan yang dinikmati, menjentik hati nurani mereka dan menjadi kuasa insani yang berkesan untuk membawa mereka pulang ke Indonesia tanpa paksaan dan imbuhan. Manakala tema cinta terhadap tanah air turut terdapat dalam puisi esei ini, yang diungkapkan seperti dalam petikan yang berikut:

*Fang Yin, kau anak Indonesia sejati
jangan pindah menjadi warga lain negeri.
ayahnya mendapatkan rezeki di Indonesia
pada waktunya harus kembali ke sana.*

(Denny JA, 2012, p.44)

Fang Yin akhirnya pulang ke Indonesia dan mencintai kembali negara kelahirannya. Puisi esei ini masih memelihara estetika dalam kesederhanaan bahasanya. Walaupun mengangkat naratif luka dalam bentuk puisi esei yang dramatik, tetapi dengan bahasa yang lancar, mudah difahami dan diperkukuhkan oleh nota kaki, puisi esei yang dihasilkan oleh Denny JA ini tetap meninggalkan kesan yang mendalam, dramatik, mengandungi nilai-nilai cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi yang bersifat universal dan boleh menjadi daya tarik pihak lain tanpa paksaan dan imbuhan. Seterusnya menjadi kuasa insani dan alat diplomasi sastera yang boleh membawa kepada kepercayaan, kesetiaan, penghargaan dan penghormatan sesuai dengan apa yang dikehendaki.

4.2 Nilai-nilai Cinta dan Kemanusiaan Tanpa Diskriminasi Sebagai Elemen Kuasa Insani

Berdasarkan analisis, dan perbincangan yang dilakukan terhadap kumpulan puisi esei oleh Denny JA, iaitu *Atas Nama Cinta*, khususnya melalui puisi *Sapu Tangan Fang Yin* beberapa dapatan telah diperolehi khususnya berkaitan dengan puisi esei beliau yang mengandungi nilai-nilai cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi. Puisi esei Denny JA yang berjudul *Sapu Tangan Fang Yin* yang termuat dalam kumpulan puisi esei *Atas Nama Cinta* itu bersifat insani dan mempunyai daya tarik yang kuat, seterusnya menjadi inspirasi kepada pihak lain, sama dari segi naratifnya yang dramatik dan olahannya indah, sehingga menyebabkan pihak lain meminati dan menyenangkannya, seterusnya bersetuju untuk memberikan penghargaan, kesetiaan, serta menetapkan agenda dan bekerjasama bagi mencapai tujuan yang dikehendaki tanpa sebarang paksaan dan imbuhan.

Rusuhan kaum yang berlaku, peristiwa pemerkosaan yang tragis, serangan dan pembunuhan yang melibatkan beberapa kelompok masyarakat dalam wilayah dan negara, secara konkrit menjejaskan keharmonian, nilai-nilai cinta dan kemanusiaan dalam puisi esei

Denny JA ini adalah bahagian daripada “Kuasa Insani” dan budaya *High Culture* yang mempunyai kuasa daya tarik, yang mampu menjadi inspirasi, iktibar dan pengajaran kepada pihak lain, kerana menurut Nye “Kuasa Insani” juga bergantung kepada “Kuasa Tulen” dan banyak sarjana yang melihat “Kuasa Insani” adalah kesinambungan dan kelanjutan “Kuasa Tulen”.

Hal ini sesuai dengan pandangan Samuel Huntington (1996) yang disebutkan sebelum ini, bahawa “Kuasa Insani” itu adalah derivatif daripada “Kuasa Tulen”, seterusnya kekayaan “Kuasa Insani” itu memerlukan “Kuasa Tulen”. Sebagai contoh, bantuan ekonomi dan kuasa tentera yang digunakan oleh sesebuah negara pada peringkat antarabangsa boleh jadi inspirasi kepada pihak lain untuk menghargai dan memberikan penghormatan. Junita Budi Rahman (2014) dalam hal ini menegaskan, “Kuasa Insani” tidak hanya bersifat semula jadi daripada sumber-sumber kuasa tertentu sahaja, melainkan daripada sumber apa-apa pun yang sengaja dipelihara, dirancang dan diperuntukkan kegunaannya. Ia adalah kuasa halus yang menginspirasi dan menarik perhatian pihak lain untuk sesuatu matlamat dan tujuan yang dikehendaki.

Puisi esei yang dihasilkan oleh Denny JA turut mengekalkan aspek keindahan dalam berpuisi, sama ada dari segi berbahasa dan berkomunikasi, seterusnya membantu kelahiran naratif puisi esei yang dramatik dan bersifat universal sehingga menarik perhatian pihak lain. Puisi esei Denny JA walaupun menyerlahkan persoalan sebenar berkaitan dengan rusuhan kaum dan peristiwa tragis yang pernah berlaku di Indonesia, tetapi tetap memberikan pengalaman dan ibrah yang berguna kepada pihak lain, tentang buruknya rusuhan kaum seperti teretusnya peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 di Malaysia (Rambely dan Mamat, 2017). Hal ini selaras dengan tanggapan bahawa tragedi rusuhan kaum yang berlaku di mana sahaja belahan dunia ini, akan membawa padah dan kesan buruk kepada keharmonian dan ketenteraman awam, tetapi boleh juga menjadi sesuatu yang menarik, pengajaran dan ibrah yang memotivasi dan menginspirasi, memikat dan membawa jalinan persahabatan dengan pihak lain, dalam keadaan yang tertentu.

Jika puisi esei menjadi satu daya tarik kepada pihak lain, maka dengan sendirinya ia membantu membina hubungan bilateral yang lebih baik tanpa paksaan, merentas masyarakat, wilayah dan negara. Nye menyatakan budaya adalah sumber kuasa dan kunci utama kepada percambahan persefahaman komunikasi yang positif dan kerjasama. Justeru itu sebahagian besar puisi esei Denny JA yang terdapat dalam tiga kumpulan puisi esei yang dianalisis dan dikaji ini, telah menggerakkan persefahaman dan kerjasama, sehingga berupaya menjadi satu daya tarik yang berkesan sesuai dengan teori “Kuasa Insani”.

Nilai-nilai cinta dan kemanusiaan yang dipaparkan oleh Denny JA, khususnya dalam kumpulan puisi esei *Sapu Tangan Fang Yin* Denny JA telah membawa naratif manusia yang akhirnya memberikan penghargaan dan penghormatan sesama insan dan negara. Jika hal ini diberikan keutamaan, pada masa akan datang puisi esei akan menjadi sesuatu yang istimewa dalam wahana sastera Melayu dan sastera Indonesia di rantau ini, seterusnya menjadi ibrah dan mampu mengelakkan sengketa, rusuhan dan pertumpahan darah negara serumpun. Manusia boleh berbeza agama, mazhab, pandangan, pendapat dan pemikiran, seperti yang ditunjukkan juga dalam puisi esei “*Romi dan Yuli dari Cikeusik*” tetapi pemaparan naratif berkaitan cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi dalam puisi esei ini menjadi satu kuasa daya tarik yang berkesan, ditambah lagi dengan sifat puisi esei itu sendiri yang dramatik, mengharukan dan menyentuh hati nurani manusia, sehingga membawa kepada elemen penyatuan, mentarbiah, hidup bersilatullahmi dan saling menghargai di antara sama lain.

Nilai-nilai cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi dalam konteks ini merupakan sesuatu yang bersifat universal, dan mudah diterima oleh manusia di mana sahaja belahan dunia ini. Puisi esei menjadi alat diplomatik yang secara tidak langsung membantu membentuk kembali persepsi sesebuah masyarakat, wilayah dan negara.

Berdasarkan kajian ini, puisi esei yang dianalisis, dibincangkan dan dikaji, mengandungi nilai-nilai cinta dan kemanusiaan tanpa diskriminasi yang bersesuaian dengan teori “Kuasa Insani” oleh Nye. Puisi esei berkenaan juga meninggalkan impak yang kuat dari segi kefahaman melalui olahan bahasa yang sederhana, tetapi tetap memasukkan unsur puisi seperti metafora, simile dan sebagainya, bersesuaian dengan tanggapan Nye yang mengkategorikan karya sastera, termasuk juga puisi esei sebagai elemen penting budaya *High Culture* yang boleh menjadi kuasa daya tarik yang kuat dan insani. Puisi esei karya Denny JA turut disampaikan dalam bentuk naratif yang dramatik dan mengesankan serta mudah menyentuh hati nurani manusia. Sesiapa sahaja akan tertarik dengan mudah kerana nilai-nilai cinta dan kemanusiaan adalah persoalan universal yang jika diamati secara mendalam, akan melahirkan sudut pandang yang lebih meluas, manusiawi, dan penuh dengan rasa cinta serta kemanusiaan tanpa diskriminasi, sehingga mampu membina Diplomasi Sastera dan Kuasa Insani yang lebih baik.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan daripada puisi esei *Sapu Tangan Fang Yin* oleh Denny JA yang dianalisis, dan dikaji, sesungguhnya puisi esei karya Denny JA itu mengandungi nilai-nilai cinta, dan kemanusiaan tanpa diskriminasi yang mempunyai kuasa daya tarik yang kuat dari segi makna dan tujuan. Gaya olahan bahasanya juga sederhana tetapi tetap mempunyai nilai estetika serta bersesuaian dengan teori “Kuasa Insani” oleh Nye. Puisi esei yang dibincangkan itu juga mampu menyampaikan mesej diplomasi sastera yang berkesan dan mampu menjadi kuasa insani yang mendapat perhatian pihak lain tanpa imbuhan dan paksaan. Hal ini membawa kepada kepercayaan, penghargaan dan penghormatan pihak berkenaan.

Dalam teori "Kuasa Insani" oleh Nye budaya dan dalam konteks kajian ini puisi esei, adalah elemen kuasa yang kuat dan berkemampuan untuk mempengaruhi perilaku pihak lain atau membentuk keutamaan-keutamaan pihak lain, sesuai dengan apa yang diinginkan oleh pihak lain itu. Perbincangan dan analisis yang dilakukan terhadap puisi esei Denny JA juga telah membawa naratif yang berkesan dari segi makna, bahasa puisi esei yang sederhana, bersifat lemah lembut, halus, dramatik, menyentuh hati nurani pihak lain, seterusnya mudah juga dalam berkomunikasi. Puisi esei oleh Denny JA ini juga menjadi kayu ukur daya tarik yang berkesan kepada pihak lain, pada peringkat negara serumpun dan global. Rumusannya, karya sastera juga dapat diguna-pakai oleh pihak yang mahu melihat alat advokasi dan diplomasi sastera, sebagai yang bertujuan, berguna dalam membina kuasa insani dan hubungan diplomatik yang lebih baik dan harmonis.

RUJUKAN

- Aji Septiaji (2017). Tesis doktor falsafah, di Universiti Negeri Jakarta, berjudul “*Diskriminasi Sosial Dalam Kumpulan Puisi Esei Atas Nama Cinta Karya Denny JA*”.
- Agus Sarjono. (2013). Puisi Esei: Sebuah Kemungkinan Sebuah Tantangan. dlm. Puisi Esei: Kemungkinan Baru Puisi Indonesia. *Jurnal Sajak*. Editor Acep Zamzam Noor. Januari 2013. Hlm. 3-30
- Bacon F (1597). *The Essays or Counsels Civil and Moral of Francis Bacon. First Edition 1597*. Reprint by (Oxford World’s Classics). London. Oxford University Press 1999.
- Denny JA. (2012). *Atas Nama Cinta*. Jakarta. Penerbit PT Cerah Budaya Indonesia (CBI)
- Denny JA dan Agus R. Sarjono (2023). *Rahsia Menulis Puisi Esei*. Jakarta. PT Cerah Budaya Indonesia (CBI).
- Eisenegger, M. (2008) The True, the good and the beautiful: reputation management in the media society dalam Zerfass A. Ruler V.B, & Sriramesh K, Public Relations, European and Internasional Perspectives and Innovations (Eds) (hlm. 125-146). Wiesbaden: VS Verlag Fur Sozialwissenschaften.
- Junita Budi Rahman, (2014). *Kuasa Insaniah negara Malaysia dan Imej-Imej Selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad*. Disertasi Doktor Falsafah (Ph.D) Universiti Utara Malaysia.
- Nik Murshidah Nik Din, Najihah Abd. Wahid, Rahimah Embong, Khazri Osman dan Nik Muniyati Nik Din, (2018). Analisis Tekstual Sebagai Method Dalam Memahami Ungkapan Puisi Imam Al-Shafie R.H.M. Kertas kerja ini disiarkan dalam *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Bil. 19, SI 2018.
- Ni Putu Elvina Suryani, (2014) *Korean Wave Sebagai Instrumen Soft Power untuk Memperoleh Keuntungan Ekonomi Korea Selatan*. *Jurnal GLOBAL*. Vol. 16 No. 1, 1 Mei
- Rasiah., Muhammad Thobroni., Eulisd Anggla Budiarti., Rita Orbaningrum., & Dhenok Kristianti., (2018). *Mengenal Puisi Esei*. Jakarta. Penerbit Cerah Budaya Indonesia (CBI).
- Rohayati Paldi. (2023). Strategi “Cool Japan” dan Keberhasilan Diplomasi Budaya Jepun di Malaysia. *Journal of Strategic and Intrenational Affairs* 3. 108-128.
- Vuving A.L. (2009). How soft power works. *Paper presented on “Soft Power and Smart Power,” at American Political Science Association annual meeting*. Toronto, September 3, 2009.